

Peng Kean tekad pulih

ATLET lawan pedang negara, Yu Peng Kean akan memberi tumpuan kepada usaha mempercepatkan proses pemulihan kecederaan lutut dialami ketika menyertai satu kejohanan di Korea Selatan tahun lalu.

Penuntut jurusan Pembangunan Sumber Manusia di Universiti Putra Malaysia itu berkata, walaupun masih dibelenggu kecederaan, dia tetap menjalani latihan ringan bagi mengekalkan tahap kecergasan sebagai persediaan menghadapi Kejohanan Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Rusia dari 6-17 Julai 2013.

“Tahun ini, fokus saya hanya untuk mempercepatkan pemulihan kecederaan lutut dan jurulatih saya dari China (Rao Bin) merangka program untuk tahun depan.

“Kemungkinan besar acara lawan pedang tidak dipertandingkan pada Sukan Sea Myanmar tahun depan dan saya akan memberi tumpuan kepada Universiade,” katanya.

Peng Kean, 20, tidak mahu meletakkan sebarang sasaran meraih pingat pada penyertaan sulung di kejohanan itu tapi berjanji memamerkan aksi terbaik.